



**Ucapan Perasmian Yang Berhormat Senator Dato' Maznah Mazlan
Timbalan Menteri Sumber Manusia
Merangkap
Pengerusi Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan**

**SEMPENA SEMINAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP)
DI SEKTOR PEMBINAAN**

Tarikh : 6 Disember 2012

Masa : 3.00 petang

Tempat : Shah Alam Convention Centre (SACC), Shah Alam

Anjuran : Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Pertubuhan Kebajikan dan Sukan (PKS) Jabatan
Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Wilayah)

Assalamualaikum w.b.t., Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

1. Syukur kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita semua dapat bersama-sama berkumpul di dalam dewan ini untuk menjayakan program yang telah dirancang oleh pihak penganjur, iaitu Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan WP Kuala Lumpur dan Putrajaya.
2. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak penganjur kerana memberi penghormatan kepada saya untuk berucap di majlis ini dan seterusnya merasmikan **Seminar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sektor Pembinaan 2012.**

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

3. Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, sektor pembinaan merupakan pemangkin kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara. Sejak Rancangan Malaysia yang terdahulu hinggalah kepada Rancangan Malaysia keSepuluh (RMKe10), pelbagai pembangunan infrastruktur telah di beri perhatian utama dalam usaha menyokong kepesatan ekonomi negara. Antara pelan yang terkandung dalam RMKe10 ialah mewujudkan infrastruktur bertaraf dunia untuk menyokong pertumbuhan dan meningkatkan produktiviti. Ini merupakan usaha yang berterusan untuk menaik taraf infrastruktur fizikal dan menambah baik akses dan perhubungan. (Sumber : RMK10, EPU). Malahan sejak 2011, terdapat banyak projek bertaraf mega yang bernilai lebih RM500 juta telah didaftarkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya dan sedang rancak dengan pelbagai aktiviti pembinaan. Untuk pengetahuan hadirin, sebanyak 5 mega projek yang sedang berlangsung di Kuala Lumpur iaitu:

- I. LRT Expansion (Ampang Line)
 - II. KL Monorail Fleet Expansion
 - III. Pantai Sewerage Treatment Plant 2
 - IV. Besraya Link Eastern Extension
 - V. Klang Vallet Mass Rapid Transit (MRT)
4. Manakala di Selangor Projek Langat Water Tunnel dan KLIA2 juga sedang rancak dijalankan. Dengan adanya projek seperti ini, sektor pembinaan akan terus berkembang maju dan akan terus menjadi teras kepada pembangunan negara. Projek tersebut juga akan membuka peluang pekerjaan kepada ramai rakyat tempatan.
5. Dengan pelaksanaan projek mega seperti ini sudah tentu akan tercetusnya isu-isu berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja yang melibatkan para pekerja mahupun orang awam seperti masalah bunyi bising, habuk dan debu, masalah nyamuk serta masalah sosial yang melibatkan para pekerja asing di tapak pembinaan.
6. Berdasarkan statistik, sehingga Ogos 2012 pula, daripada keseluruhan 40,834 kes kemalangan yang dilaporkan kepada PERKESO 926 kes dicatatkan di industri pembinaan dan daripada jumlah ini 75 kes adalah kemalangan maut, manakala 851 kes mengakibatkan hilang upaya kekal. Sektor pembinaan di Kuala Lumpur merupakan penyumbang kes kemalangan yang ketiga selepas Selangor dan Johor. Manakala, sehingga Oktober 2012, JKKP WPKL dan Putrajaya telah merekodkan 10 kes maut di tapak bina sekitar ibu negara.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

7. Baru-baru ini kita dikejutkan dengan kes bumbung konkrit sebuah banglo runtuh yang menyebabkan kecederaan parah 4 orang pekerja binaan

Indonesia. Aspek keselamatan dan kesihatan di tapak bina seharusnya diberi keutamaan bukan hanya pada projek yang bertaraf mega, bahkan juga terhadap projek-projek yang kecil bagi memastikan ianya tidak berulang.

8. Ini kerana ramai yang akan terlibat secara langsung dan tidak langsung apabila berlakunya sesuatu kemalangan. Keluarga si mangsa akan kehilangan orang yang disayangi dan sumber pendapatan mereka, pihak kontraktor pula, akan kehilangan pekerja yang terlatih dan terpaksa menanggung kos yang tinggi akibat projek tergendala, serta peningkatan kos perubatan dan premium insurans. Disamping itu juga, mereka terpaksa berhadapan dengan pihak berkuasa seperti JKKP jika didapati melanggar peruntukan undang-undang di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967 atau Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

9. Statistik kemalangan yang tinggi di sektor pembinaan, terutama sekali kemalangan maut adalah sangat membimbangkan pihak Kerajaan. Pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi menangani isu ini oleh Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP). Di antaranya adalah menyusun atur strategi dengan meningkatkan aspek penguatkuasaan di tapak bina, penggubalan standards, latihan dan promosi terhadap aspek-aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan ke atas semua peringkat aktiviti pembinaan. Ia juga terkandung dalam Pelan Induk KKP 2011 – 2015 yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada tahun 2009.
10. Selain daripada itu, pada 1 Januari 2012, Peraturan 25, Peraturan-peraturan Kilang dan Jentera (Kendalian Bangunan dan Kerja-Kerja Binaan

Kejuruteraan) (Keselamatan) 1986 telah dikuatkuasakan sepenuhnya. Pihak kontraktor utama dikehendaki melantik seorang penyelia keselamatan tapak bina atau Site Safety Supervisor (SSS) yang perlu menghabiskan masa sekurang-kurangnya lima belas jam seminggu untuk mengawasi keselamatan dan menggalakkan cara kerja yang selamat di tapak bina.

11. Penyelia keselamatan tapak bina ini merupakan orang yang kompeten dan berdaftar dengan JKKP serta perlu menghadiri kursus-kursus yang telah ditetapkan. Bagi menetapkan kompetensi penyelia keselamatan tapak bina ini, JKKP telah menetapkan bahawa mereka perlu menamatkan kursus yang dijalankan oleh pusat pengajar yang berdaftar dengan JKKP dan seterusnya lulus peperiksaan yang dijalankan oleh Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) atau institusi lain yang diiktiraf oleh JKKP.
12. Diharapkan dengan pertumbuhan dan pertambahan pengamal keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di tapak bina dapat membantu di dalam meningkatkan pelaksanaan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang lebih baik dan sistematik seterusnya dapat mengurangkan kadar berlakunya kemalangan di tapak bina.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

13. Konsep pengaturan sendiri atau *self regulation* yang menjadi asas Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 perlulah didukung oleh semua majikan. Majikan dan pekerja perlu ada inisiatif sendiri dan bersikap lebih proaktif di dalam menangani aspek keselamatan dan kesihatan di tempat

kerja . Ianya hendaklah dijadikan satu budaya bukan semasa waktu bekerja bahkan juga perlu dihayati dalam kehidupan seharian kita.

14. Saya berharap pengisian seminar pada hari ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua peserta melalui perkongsian maklumat berkaitan aspek keselamatan dan kesihatan di tapak bina dan seterusnya dapat meningkatkan tahap KKP di tempat kerja masing-masing.

15. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada tuan-tuan dan puan-puan. Sesungguhnya kehadiran tuan-tuan dan puan-puan di seminar pada hari ini menunjukkan komitmen tuan-tuan dan puan-puan yang tinggi dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

16. Sebagai mengakhiri ucapan, saya menyeru kepada semua untuk berusaha mempertingkatkan lagi kecermerlangan dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan di negara yang dicintai ini. Dengan usaha yang digembeling bersama, saya yakin kita mampu menjadikan Malaysia sebagai tempat kerja yang selamat dan sihat kepada semua.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahimm saya dengan ini merasmikan **Seminar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sektor Pembinaan 2012.**

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.